

16 MAY 2001

ALLAHYARHAM AHMAD RAZALI SELAMAT DIKEBUMIKAN DI JALAN AMPANG

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Jenazah bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Ahmad Razali Mohamed Ali, selamat dikebumikan di tanah perkuburan Islam Jalan Ampang di sini hari ini.

Antara yang menghadiri pengebumian beliau ialah anggota keluarganya, termasuk kakaknya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan beberapa orang kenamaan.

Sebelum ini, Dr Siti Hasmah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama keluarga mereka menziarahi jenazah Allahyarham di kediamannya di Taman Tun Abdul Razak, Ampang Jaya pagi tadi.

Ahmad Razali, 72, meninggal dunia pada 10 pagi tadi di Institut Jantung Negara di sini setelah dimasukkan pada 8 malam tadi apabila beliau mengadu sakit dada.

Beliau meninggalkan isteri Puan Sri Wan Mah Rejab serta empat anak lelaki dan empat anak perempuan.

-- BERNAMA

CS ES MAI